

**Akta Keharmonian Nasional Bolehkan Kerajaan, Pemimpin Dikritik - Mohamed Nazri  
Bernama  
14 Julai, 2012**

KUALA KANGSAR, 14 Julai (Bernama) -- Akta Keharmonian Nasional yang menggantikan Akta Hasutan 1948 membolehkan kerajaan dan pemimpin dikritik oleh rakyat dalam usaha menjamin kebebasan bersuara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata kritikan terhadap kerajaan dan pemimpin dibolehkan dan dianggap sebagai saling mengimbangi dan mengawasi supaya kerajaan sedar kemungkinan wujud kelemahan.

Bagaimanapun, tidak ada kebebasan bersuara yang mutlak dalam negara berbilang kaum dan agama yang mana akta baharu itu tetap memelihara keharmonian kaum dan melindungi institusi Raja-Raja Melayu.

"Saya tidak jangka rang undang-undang akta baharu itu dapat dibentangkan dalam mesyuarat (Persidangan Dewan Rakyat) akan datang kerana bulan September terlalu dekat. Mungkin tahun hadapan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan gelanggang futsal di Taman Kuala Kangsar di sini hari ini.

Beliau berkata Pejabat Peguam Negara telah diarah untuk mendapatkan pandangan daripada semua pihak berkaitan termasuk orang ramai sebelum rang undang-undang berkenaan digubal.

Pada Rabu, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan dan digantikan dengan akta baharu yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional.

Mohamed Nazri berkata akta baharu itu perlu diwujudkan kerana Akta Hasutan telah lapuk memandangkan ia digunakan sejak zaman penjajahan British pada tahun 1948.

"Kita membuang undang-undang yang dianggap lapuk. Nama hasutan pun dah lapuk sebab tahun 1948 itu zaman penjajah. Penjajah tak benarkan orang kutuk kerajaan penjajah. Itu cara mereka menutup mulut rakyat dengan menggunakan Akta Hasutan," katanya.

Ditanya mengapa kerajaan tidak mengekalkan Akta Hasutan dengan hanya membuat beberapa pindahan terhadap akta berkenaan, Mohamed Nazri berkata nama akta perlu ditukar kerana namanya memberi konotasi negatif.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680609>

